

OLEH ZAINOOR SULAIMAN:

1975

JAKARTA, 20 MAC (BERNAMA) — DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD BERKATA HARI INI RAHAWA BELIAU YAKIN SATU TOLAKANSUR AKAN DICAPAI DI PERSIDANGAN MENGENAI PENERBANGAN ANTARA ASEAN DAN AUSTRALIA YANG SEDANG BERLANGSUNG DI SINI.

TIMBALAN PERDANA MENTERI, YANG MENGETUAI PERWAKILAN ASEAN SERAMAI 69 ORANG KE PERSIDANGAN ITU MEMBERITAHU PARA PEMBERITA SELEPAS RUNDINGAN KEDUA PETANG INI KEDUA-DUA PIHAK SEDANG BERUSAHA MENCAPAI TOLAKANSUR.

BELIAU MEMBERITAHU BEBERAPA CADANGAN TELAH DIBUAT OLEH PERWAKILAN ASEAN DAN AUSTRALIA DALAM SESSI PETANG.

PEGAWAI-PEGAWAI SEDANG MENILAI CADANGAN-CADANGAN ITU DAN AKAN MELAPORKAN KEPADA MENTERI-MENTERI PAGI ESOK.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA SEPANJANG MENGENAI ASEAN, ADALAH BERFAEDAH BAGI PEGAWAI-PEGAWAI MENKAJI CADANGAN-CADANGAN ITU. — BERSAMBUNG 2218/ZCM

EE

B676:

MAHATHIR-TAMBANG 2 JAKARTA

83

PAKAR-PAKAR TERPAKSA BERTUGAS SEPANJANG MALAM INI UNTUK MENIMBANGKAN CADANGAN-CADANGAN YANG DIKEMUKAKAN OLEH MENTERI PENGANGKUTAN AUSTRALIA PETER NIXON YANG MENGETUAI PERWAKILAN AUSTRALIA SERAMAI 17 ORANG BERSAMA DENGAN MENTERI LUAR ANDREW PEACOCK.

WALAUPI BUTIR-BUTIR CADANGAN BARU ITU TIDAK DIKELUARKAN KEDUA-DUA MENTERI AUSTRALIA ITU YAKIN KEMAJUAN YANG BESAR TELAH DICAPAI DALAM MENYELESAIKAN PERTIKAHAN DENGAN ASEAN YANG TIDAK PERSETUJU DIKELUARKAN DARI MENYERTAI SEKIM TAMBANG MURAH ANTARA SYDNEY DAN LONDON.

SUMBER-SUMBER PERSIDANGAN BERKATA PUNCANYA JALAH MEMDENARKAN SYARIKAT-SYARIKAT PENERBANGAN ASEAN MEMBAWA PENUMPANG DI SEPANJANG LALUAN ITU DAN PERSETUJUAN QANTAS TIDAK MENGAMBIL PENUMPANG DI LAPANGAN TERBANG ASEAN KE LONDON DAN BANDAR-BANDAR EROPAH LAIN.

BUTIR-BUTIR TEKNIK CADANGAN BARU ITU SEDANG DIKAJI OLEH PEGAWAI-PEGAWAI DARI KEDUA-DUA PIHAK MALAM INI. — BERSAMBUNG 2228/ZCM

MAHATHIR-TAMBANG 3 JAKARTA

MENTERI PENGANGKUTAN AUSTRALIA BERKATA PERWAKILANNYA SEDIA MENUNGGU HINGGA KEPUTUSAN YANG POSITIF DICAPAI BAGI MENYELESAIKAN MASALAH ITU.

KATANYA: +KAMI SEDIA BERTEMU JIKA DIMINTA, JIKA PERLU DIADAKAN PERTEMUAN-PERTEMUAN LANJUT, KAMI JUGA BERSETUJU.+

MENTERI LUAR SINGAPURA S. RAJARATHNAM MEMBERITAHU PARA PEMBERITA SELEPAS SESSI MALAM INI RAHAWA PERUNDINGAN JAKARTA ITU MERUPAKAN SATU UJIAN KEPADA PERPADUAN ASEAN.

PERKARA-PERKARA YANG AKAN DILIPUTI DALAM PERBINCANGAN DUA HARI INI TERMASUK TAMBANG MURAH ANTARA SYDNEY-LONDON DENGAN BANDAR-BANDAR ASEAN DAN AUSTRALIA. TAMBANG BERHENTI, TAMBAHAN PENERBANGAN DAN TEMPAT DUDUK, TAMBANG BERHENTI DI ASEAN DAN DI LUAR ASEAN DAN PENYERTAAN PENERBANGAN ASEAN KEPADA PENERBANGAN ANTARA AUSTRALIA DAN EROPAH. — BERNAMA 2238/ZCM